

Perolehan Sunway REIT naik 7.2 peratus

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Perolehan Sunway Real Estate Investment Trust Sdn. Bhd. (Sunway REIT) untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018 naik 7.2 peratus kepada RM560.4 juta berbanding RM522.9 juta dicatat pada tempoh yang sama tahun lepas.

Ia disokong oleh segmen runcit dan sumbangan pendapatan hasil pengambilalihan yang baharu dilengkapkan iaitu Sunway REIT Industri Shah Alam Satu dan hartanah Sunway Clio, pada jumlah RM436 juta.

Pendapatan hartanah bersih berkembang 8 peratus tahun ke tahun kepada RM419.9 juta.

Pendapatan bersih direalisasikan pula meningkat 4.2 peratus tahun ke tahun kepada RM281.9 juta, selaras dengan kenaikan pengagihan seunit (DPU) sebanyak 4.1 peratus tahun ke tahun kepada 9.57 sen.

Berdasarkan harga unit terakhir Sunway REIT pada 30 Jun 2018 iaitu RM1.77, DPU yang diistiharkan adalah bersamaan pengagihan hasil 5.4 peratus.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn. Bhd., Datuk Jeffrey Ng berkata, berdasarkan kitaran normalisasi kadar faedah global, pengurus dana mengambil sikap berhati-hati terhadap prospek dan usaha mengekalkan DPU dalam TK19.

"Segmen runcit dan hotel dijangka berkembang dengan sederhana, namun, sebahagiannya akan diimbangi oleh gangguan pendapatan daripada aktiviti pengubahsuaian yang berterusan di Sunway Resort Hotel & Spa.

"Dalam persekitaran operasi yang mencabar, kami perlu menaik taraf dan menyegarkan kemudahan hotel untuk meningkatkan pengalaman tetamu dan kekal relevan dengan keperluan dan citarasa tetamu hotel yang sentiasa berubah," katanya dalam kenyataan di sini hari ini. **BERNAMA**